

Berita Manmin

NO. 3 10 APRIL 2022



PENGANTIN TUHAN YESUS

1. suci seperti burung merpati, dan berfikir serta berurusan dengan rendah hati dalam segala hal.
2. tajam otak dan pintar seperti ular, menyenangkan hati semua orang dan memancarkan keharuman Kristus.
3. mempunyai penampilan yang cantik dan anggun seperti sutera.
4. tidak kasar tetapi baik hati dan ceria.
5. sentiasa dalam keadaan sihat dengan wajah riang dan tahu berasa malu.
6. mempunyai mata yang jernih dan bersinar.
7. lemah lembut, rendah hati, beradab, dan tidak bertingkah laku kasar.
8. bersederhana dalam berpakaian, bergaya dan cekap, anggun tetapi tidak berlebih-lebihan.
9. bersih, kemas, dan sopan.
10. tidak bercakap bohong, menipu, memfitnah, atau bergosip.
11. mempunyai iman sejati yang tidak goyah dalam apa-apa hal atau keadaan.
12. mengasihi Tuhan Yesus sebagaimana dia mengasihi Tuhan dan tidak menyembah berhala.
13. sentiasa bersukacita, berdoa tanpa henti, dan menjalani kehidupan yang bersyukur dalam segala perkara.
14. dipenuhi oleh Roh Kudus, tidak mempunyai penipuan atau keraguan, dan tidak mempunyai kejahatan.
15. setia dalam semua rumah Tuhan, mengasihi orang lain sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri, mengalah, berkorban dan melayani.
16. tidak iri hati, dan tidak bertengkar atau menghakimi atau mengecam.
17. bersukacita dalam kebaikan dan hidup hanya untuk kemuliaan Tuhan.

DARIPADA "KULIAH TENTANG AMSAL" OLEH REV. DR. JAEROCK LEE

Perjumpaan Doa Daniel Nazar diadakan dari 7 hingga 27 Mac



'Perjumpaan Doa Daniel Nazar' diadakan selama 21 hari dari 7 hingga 27 Mac dengan tema 'topik doa tahun 2022, penempatan semula gereja, dan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi', dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin.

Secara khususnya, semasa 'Perjumpaan Doa Daniel Nazar', Puan Lee memimpin 'Perjumpaan Doa untuk Orang yang Sakit' pada pukul 11:00 pagi setiap hari Isnin (7, 14 dan 21 Mac)

untuk para pesakit yang berdaftar sebelum Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang diadakan semasa Ibadat Semalaman Jumaat pada 25 Mac.

'Perjumpaan Doa Daniel' gereja ini diadakan pada setiap malam dari pukul 9:00 hingga 11:00 malam (kecuali hari Jumaat kerana ada Ibadat Semalaman Jumaat). Anda dapat menyertainya menerusi GCN TV dan Internet (www.gcntv.org) secara langsung bukan sekadar di Korea malah di seluruh dunia.

Anugerah Kecemerlangan 2021

'Majlis Anugerah Kecemerlangan 2021' telah diadakan dalam Ibadat Petang Ahad pada 27 Februari secara tidak bersemuka.

Para pemenang anugerah merupakan pekerja-pekerja yang telah mencapai kebangkitan gereja atau telah diiktiraf untuk pencapaian mereka dalam setiap bidang dengan setia menjalankan tugas yang diberi Tuhan sepanjang tahun 2021.

Pemimpin daerah: Diakon Kanan Hyesun Kim (Paroki 6), Diakon Kanan Youngjoon Park (Paroki 9), Hyesun Jeong (Paroki 15) dan Diakon Kanan Youngsook Jang (Paroki Cina); pemimpin subdaerah: Diakon Kanan Hyuksoo Choi (Paroki 9), Diakon Kanan Hyeran Lim (Paroki 15) dan Diakon Gyehwa Ju (Paroki Cina); pemimpin sel: Okhee Kim (Paroki 3), Songja Song (Paroki 6), Eunhye Lee (Paroki 7), Sang-gu Kang (Paroki 9), Yeon Kim (Paroki 15), Okja Kim (Paroki 16), Okja Choi (Paroki Cina) dan Diakon Hongryeong Wang (Paroki Cina) telah menerima anugerah.



Dalam bidang penginjilan, Diakon Sookbang Jang (Paroki Cina), Diakon Eunsook Kim (penyokong Paroki Cina), Diakon Youngmin Yoo (Sukarelawan Manmin, Pelayanan Parkir), Diakon Kanan April Joo (Biro Misi Luar Negara), Jongwoo Lee (GCN) dan Diakon Kyungsuk Koh (Urim Books) telah menerima anugerah.

Jinsoo Jeon memenangi kejuaraan dalam 'Pemilihan Pasukan Kebangsaan Gusti Junior Asia 2022'



Pada 6 Februari, Jinsoo Jeon (Universiti Sukan Kebangsaan Korea) memenangi kejuaraan dalam gaya bebas 70kg dalam 'Pemilihan Pasukan Kebangsaan Gusti Junior Asia 2022' yang diadakan di Pusat Sukan dan Kebudayaan Hampyeong di Jeollanam-do.

Jeon mengalami koyakan 2.5cm sekitar mata kirinya ketika berlatih tiga

hari sebelum pemilihan. Orang yang dekat dengannya mendesaknya untuk tidak menyertai pemilihan itu. Walau bagaimanapun, dengan bersandar kepada Tuhan dan menerima rakaman doa Dr. Jaerock Lee untuk orang yang sakit, dia menyertai pemilihan itu dan terpilih sebagai anggota Pasukan Kebangsaan Junior Asia.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary
 Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network
www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books
 Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com



Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Tuhan Yang Maha Kuasa

“Akulah TUHAN, Allah segenap manusia.
Tiada yang terlalu sukar bagi-Ku.” (Yeremia 32:27)

Tuhan Pencipta adalah dari selama-lamanya hingga selama-lamanya, sempurna, maha mengetahui, dan Dia ialah Tuhan Pencipta yang mampu untuk melakukan apa-apa sahaja. Atas sebab-sebab ini, seluruh Alkitab berulang-ulang kali menyatakan mukjizat dan perkara yang luar biasa yang tidak mampu dilakukan oleh mana-mana manusia.

Karya Tuhan Yang Maha Kuasa yang sedemikian telah diperlihatkan dalam generasi yang berbeza oleh umat Tuhan yang dipilih-Nya sendiri. Tuhan berterusan menunjukkan keajaiban kuasa-Nya kepada kita sehingga hari ini. Yesus memberitahu kita dalam Yohanes 4:48, “Jika kamu semua tidak melihat mukjizat dan perkara yang luar biasa, kamu tidak percaya.” Orang tidak dapat percaya kepada Tuhan tanpa menyaksikan kuasa-Nya yang terkandung dalam mukjizat dan perkara yang luar biasa seperti itu.

1. Tuhan Yang Maha Mengetahui tahu segala-galanya

Tuhan bukan sahaja mengetahui kata-kata dan perbuatan kita malah hati kita dan pemikiran yang terlintas dalam minda kita. Hal ini demikian kerana Dia menciptakan kita seperti yang tertulis dalam Mazmur 139:13 yang menyatakan, “Engkau menciptakan segala bahagian badanku; Engkau membentuk aku di dalam rahim ibuku.” Selain itu, Dia mengetahui perkara yang sedang berlaku sekarang dan perkara yang akan datang.

Dalam Alkitab, ada banyak nubuat berkaitan kedatangan Penyelamat umat manusia, kehancuran dan penubuhan semula Israel, dan perkara-perkara yang akan berlaku pada akhir zaman. Nubuat-nubuat ini telah benar-benar digenapi. Selain itu, melalui orang yang sesuai pada pandangan Tuhan, Tuhan mendedahkan perkara-perkara yang akan berlaku. Amos 3:7 menyatakan, “TUHAN Raja tidak pernah

melakukan sesuatu pun tanpa menyatakan rancangan-Nya kepada para nabi, hamba-hamba-Nya.”

Malah pada hari ini, Tuhan mendedahkan perkara-perkara yang akan datang melalui orang yang berkomunikasi dengan-Nya secara mendalam. Saya juga telah menyampaikan banyak nubuat yang didedahkan oleh Tuhan kepada gereja ini. Sebagai contoh, saya meramalkan pemilihan Taewoo Roh sebagai presiden Korea Selatan pada tahun 1987 dan bahawa beliau akan digantikan oleh Presiden Youngsam Kim dan Presiden Daejung Kim. Saya juga telah meramalkan pemilihan Ronald Reagan sebagai presiden Amerika Syarikat dan Margaret Thatcher sebagai perdana menteri United Kingdom. Tuhan juga mendedahkan kepada saya lebih dahulu tentang kematian Perdana Menteri Indira Gandhi dari India dan Setiausaha Agung Chernenko dari negara bekas Kesatuan Soviet.

Saya juga telah bernubuat tentang harga minyak mentah dan masa depan Timur Tengah dan bagaimana tiga negara dan gabungan utama iaitu Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, dan negara komunis China dan bekas negara komunis Rusia akan diperkukuh menjadi tiga kuasa pesaing di dunia ini. Saya juga telah meramalkan kegagalan “dasar sinar matahari” Korea Selatan yang bermatlamat untuk melibatkan Korea Utara dan bagaimana Korea Utara akan membuka pintunya untuk sementara waktu tetapi akan menutupnya tidak lama kemudian.

Saya telah bernubuat tentang banyak topik dan peristiwa lain dan setiap satunya telah dipenuhi atau sedang dalam proses dipenuhi. Tuhan kita, yang mengetahui aliran semasa dan masa depan sejarah dunia, juga mengetahui masa depan kehidupan anda. Dengan menyerahkan setiap aspek kehidupan anda kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, saya menggesa anda untuk sentiasa mengikut jalan kemakmuran dan keberkatan.

2. Kuasa Tuhan Yang Maha Berkuasa seperti yang tercatat dalam Alkitab

Tuhan memberikan Sepuluh Bencana ke atas Mesir melalui Musa sebelum Keluaran orang Israel dari Mesir. Selain itu, dengan kuasa-Nya, Laut Gelagah terbelah dua, air keluar dari batu, dan air pahit bertukar menjadi air yang dapat diminum. Dengan kuasa-Nya, Elia menubuatkan kemarau yang teruk akan berlaku selama tiga setengah tahun. Apabila Elia berdoa kepada Tuhan dengan sungguh-sungguh, Dia memberikan jawapan dengan api dan membolehkan hujan yang lebat turun. Melalui kuasa-Nya, orang yang mati dibangkitkan.

Pada zaman Perjanjian Baru, karya Tuhan Yang Maha Kuasa juga berlaku. Yesus membangkitkan orang mati yang bernama Lazarus, mencelikkan mata orang yang buta, menyembuhkan orang yang sakit dan orang yang uzur, serta menyembuhkan orang yang dirasak roh jahat. Dia juga menenangkan angin dan laut, serta berjalan di atas air.

Walaupun selepas kebangkitan dan pengangkatan Yesus, kuasa Tuhan juga dinyatakan melalui pengikut Yesus. Dalam situasi Rasul Petrus, orang sakit dibawa ke jalan supaya setidak-tidaknya mereka terkena bayang Petrus apabila dia lalu di situ (Kisah Rasul-rasul 5:15). Dalam situasi Rasul Paulus, apabila sapu tangan atau kain yang pernah dipakai oleh Paulus dibawa kepada orang sakit, mereka sembuh dan roh jahat meninggalkan mereka (Kisah Rasul-rasul 19:11-12).

Dengan memperlihatkan kuasa yang menakjubkan yang di luar kemampuan manusia, Tuhan menghendaki semua orang bertemu dengan-Nya dan mencapai keselamatan.

3. Tuhan Yang Maha Kuasa berkarya sehingga hari ini

Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus Kristus adalah sama dahulu, sekarang dan selama-lamanya (Ibrani 13:8). Oleh itu, kuasa Tuhan melalui Yesus Kristus dapat diperlihatkan walaupun pada zaman kita.

Manifestasi karya Tuhan yang begitu berkuasa telah berlaku di Gereja Pusat Manmin sejak penubuhannya. Kesaksian tentang kesembuhan daripada pelbagai penyakit yang tidak dapat diubati diterima dari seluruh dunia pada setiap minggu. Suatu fakta yang menakjubkan adalah bahawa banyak orang mengalami kesembuhan daripada penyakit dan keuzuran tubuh mereka bukan hanya apabila mereka menerima doa saya secara peribadi malah juga apabila mereka menerima doa saya melalui Internet atau melalui GCN.

Banyak pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak selama bertahun-tahun malah berpuluh-puluh tahun telah dapat melahirkan anak. Dari luar negara, banyak permintaan doa dan gambar orang yang sakit diterima melalui faks

atau e-mel. Apabila saya berdoa dengan meletakkan tangan saya pada nama atau gambar orang, kuasa Tuhan berlaku dengan melangkaui ruang dan waktu. Setiap kali saya mengadakan perjumpaan kebangkitan khas di Korea atau crusade di luar negara, saya berdoa untuk orang yang sakit dari pentas kerana saya tidak dapat meletakkan tangan saya pada setiap orang. Namun begitu, sejumlah besar orang menerima kesembuhan pada masa yang sama dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan. Sangat banyak orang yang tidak dapat menghadiri perjumpaan kebangkitan atau crusade sedemikian telah memberikan kesaksian tentang kesembuhan mereka dengan hanya menghidirinya menerusi Internet, satelit atau televisyen. Selepas crusade, sangat banyak orang dari seluruh dunia mengirim kesaksian mereka melalui faks atau e-mel.

Sekarang, marilah kita melihat perkara luar biasa yang telah diperlihatkan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa. Pada masa-masa retret musim panas atau acara istimewa, anggota Manmin mengalami cara Tuhan mengawal cuaca. Apabila saya berdoa dengan iman, kadangkala hujan lebat berhenti dan ada kalanya awan berkumpul dari empat penjuru langit untuk melindungi anggota Manmin daripada cahaya matahari yang terik ketika bersiap-siap untuk aktiviti luar. Adalah mustahil untuk Gereja Pusat Manmin dan anggotanya mengira dengan tepat jumlah bukti atau contoh yang telah dilihat dan dialami berkenaan kesembuhan daripada penyakit dan keuzuran tubuh, keajaiban istimewa, mukjizat serta perkara yang luar biasa dalam alam semula jadi melibatkan awan, bintang dan pelangi.

Karya yang menakjubkan seperti itu masih berlaku pada hari ini kerana kasih Tuhan yang bukan sahaja mahu membebaskan kita daripada penyakit dan menjawab doa kita malah juga membuka jalan keselamatan bagi semua orang.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, bahkan pada hari ini Tuhan Yang Hidup memperlihatkan semua jenis perkara yang sememangnya di luar kemampuan manusia. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar dengan percaya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, anda akan memberikan kemuliaan kepada-Nya dan membawa tidak terkira banyaknya jiwa ke jalan keselamatan.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)<http://www.manmin.org/english>www.manminnews.comE-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

“Apabila anda datang kepada Tuhan, Dia melakukan mukjizat.”

Eveline Lukwama Kimbangi
(Usia 46, Gereja Manmin Kinshasa, Republik Demokratik Congo)



Saya pergi ke Gereja Manmin Kinshasa atas pimpinan Saudara Israel.

Saya merasakan kasih Tuhan Yesus apabila saya mendengar khutbah Pastor Samuel Han dan hal ini menggembirakan hati saya. Saya berasa tersentuh oleh khutbah itu lalu menjadi anggota Manmin.

Saya mempunyai satu masalah yang telah saya hadapi untuk tempoh yang lama. Kedua-dua mata saya mengalami kegatalan sejak tahun 1999, membengkak dan penglihatan saya kabur. Saya berjumpa pakar oftalmologi tetapi dia mengatakan bahawa tiada masalah dengan mata saya. Namun begitu, masalah mata saya menyebabkan saya tidak dapat menjalani kehidupan secara normal.

Kemudian saya terdengar berita

baik bahawa ada perjumpaan kesembuhan secara atas talian yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee. Saya berdoa untuk disembuhkan dalam perjumpaan kesembuhan.

Saya berdoa kepada Tuhan dengan berkata, “Tuhan! Saya mahu membaca Alkitab. Tolong sembuhkan mata saya.”

Saya mempunyai pengalaman yang mengejutkan apabila beliau berdoa dengan sapu tangan kuasa yang telah didoakan oleh Rev. Dr. Jaerock Lee (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) dalam perjumpaan tersebut.

Cahaya yang sangat terang menyentuh mata saya sebanyak dua kali. Cahaya pertama berlalu dengan kuat dan cahaya kedua menyinari mata saya. Sejak itu, saya dapat membaca dengan jelas walaupun

tulisan yang kecil. Haleluyah!


Tiada apa-apa gejala pada mata saya sekarang. Saya dapat melihat dengan jelas, jadi tiada kesulitan dalam melakukan apa-apa perkara.

Saya dengan tekun menginjili jiran-jiran saya untuk menyampaikan kegembiraan yang diberi oleh Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus kepada saya. Saya berkata kepada mereka, “Taruhlah kerinduan kepada Tuhan. Jika kamu ada apa-apa masalah, bukalah hati kamu dan datang kepada Tuhan. Tuhan akan melakukan mukjizat untuk kamu.”

Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Pencipta yang menyembuhkan mata saya dan memberi saya kegembiraan yang sejati.


Contoh buku Dr. Jaerock Lee

URIM BOOKS




Pesan Salib

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.




Syurga (I)

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



Neraka

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



Tuhan Penyembuh

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

Baptisan Api dengan Kuasa Tuhan

Hanya apabila anda menerima baptisan Roh Kudus dan baptisan api selepas anda menerima Yesus Kristus, anda dapat menjalani kehidupan Kristian yang sejati dengan menyunatkan hati anda. Jika anda menerima kurnia Roh Kudus dan memperoleh autoriti sebagai anak-anak Tuhan, anda sepatutnya menerima api Roh Kudus supaya anda dapat menerima kekuatan daripada Tuhan untuk menikmati berkat sebagai anak-anak-Nya.

Anda harus menerima baptisan api untuk menjalani kehidupan dengan penyucian dan kuasa.

Baptisan pertaubatan oleh Yohanes merupakan isyarat simbolik untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa seperti air yang membersihkan kekotoran, dosa orang yang bertaubat disingkirkan.

Malah pada hari ini, apabila anda pergi ke gereja setelah mendengar Berita Baik, anda dibaptiskan dengan air. Namun begitu, untuk menjalani kehidupan dengan penyucian dan kuasa sebagai anak Tuhan, selepas menerima Yesus Kristus, anda perlu diampunkan daripada dosa, menerima baptisan Roh Kudus dan baptisan api.

Sebaik sahaja kita menerima Yesus Kristus dan menerima Roh Kudus, semua dosa lalu kita diampunkan sepenuhnya. Namun begitu, walaupun kita telah menjadi anak Tuhan dan menerima Roh Kudus, hal ini tidak bermaksud bahawa kita telah menyingkirkan sifat dosa asal yang menyebabkan kita melakukan dosa lagi.

Oleh sebab kita tidak dapat sepenuhnya hidup berdasarkan Firman Tuhan akibat akar dosa dalam hati kita, kita mungkin mendapat penyakit atau mengalami masalah di rumah dan di tempat kerja dengan menghadapi tuduhan daripada Iblis dan roh jahat.

Sebaliknya, jika anda berterusan dibaptis dengan api setelah dibaptis dengan Roh Kudus, bukan sahaja penyakit malah sifat dosa dalam hati anda juga akan dibakar untuk menyelesaikan masalah berkaitan roh dan tubuh.

Rumah, tempat kerja dan tempat perniagaan anda juga akan dilindungi oleh tembok berapi Roh Kudus. Cubaan dan kesusahan akan lenyap, dan anda dapat menikmati berkat dan kemakmuran daripada Tuhan. Apabila Iblis dan roh jahat terkena api Roh Kudus, Iblis dan roh jahat akan kehilangan kuasa dan ibarat telah mati. Oleh itu,

jika ada tembok berapi Roh Kudus, Iblis dan roh jahat tidak dapat menghampiri anda.

Oleh itu, anak-anak Tuhan yang telah menerima Roh Kudus harus mempunyai kerinduan untuk menerima baptisan api dengan kuasa Tuhan. Anda harus dibaptiskan dengan api melalui kepenuhan Roh Kudus untuk membakar sifat dosa dalam hati anda, dan anda dapat menjadi sihat dan makmur apabila Iblis dan roh jahat pergi.

Untuk menerima baptisan api, anda perlu dipenuhi oleh Roh Kudus and bertindak dengan iman.

Dalam Kisah Rasul-rasul 2, ada peristiwa para rasul dibaptis dengan Roh Kudus dan merupakan orang pertama taat pada kata-kata Yesus Kristus yang telah bangkit. Pada Hari Pentakosta, para rasul yang berdoa di bilik tingkat atas rumah Markus menerima api Roh Kudus seperti tiupan angin yang kuat, dan menerima kuasa untuk mengkhabarkan Berita Baik dengan berani.

Untuk menerima baptisan api, terlebih dahulu kita perlu merobohkan tembok dosa antara kita dengan Tuhan. Pertama, kita perlu berdoa untuk merobohkan tembok dosa melalui pertaubatan dan dipenuhi oleh Roh Kudus serta menerima inspirasi Roh Kudus. Kemudian, api Roh Kudus akan datang kepada kita, dan semua penyakit akan dibakar, dosa dan kejahatan akan disingkirkan, dan keinginan hati kita akan dipenuhi.

Selain itu, kita dapat menerima baptisan api hanya apabila kita menunjukkan perbuatan iman kerana baptisan api tergolong dalam tahap kuasa Tuhan. Kita mesti hidup dalam kebenaran, dan kita mesti menaikkan doa dan pujian yang benar-benar menyenangkan hati Tuhan. Apabila kita mara dengan iman dalam tindakan yang menaikkan haruman doa dan pujian pada setiap hari yang dapat mencapai takhta Tuhan di Syurga, kuasa iaitu baptisan api akan datang dari atas.

Jika anda menerima baptisan api, anda akan dipenuhi oleh Roh Kudus, roh dan jiwa anda akan makmur serta anda akan menjadi sihat sehingga anda dapat menjadi makmur dalam semua perkara. Oleh itu, jika anda ialah anak Tuhan yang telah dibaptis dengan Roh Kudus, anda dapat menjalani kehidupan dengan penyucian dan kuasa serta memuliakan Tuhan dengan menerima baptisan api.



“Sakit pada kaki saya yang sangat menyusahkan saya selama 6 bulan telah hilang sepenuhnya.”

Suk-yil Gye (Usia 72, Paroki Cina)

Saya kurang sihat sebelum saya menjadi anggota Manmin. Perut dan usus saya tidak berfungsi dengan baik, jadi saya tidak dapat menghadamkan makanan dengan baik dan selalu mengalami cirit. Berat saya 40kg. Saya mengalami kesakitan pada leher, lengan dan belakang saya, jadi saya selalu menampalkan plaster berubat pada bahagian-bahagian ini. Sangat sukar untuk saya berjalan akibat sakit kepala yang teruk. Saya mengalami sakit kepala, pening dan muntah apabila menaiki bas, jadi saya tidak dapat menaiki bas.

Saya hidup dengan kesakitan seperti itu. Namun begitu, semua penyakit saya sembuh apabila saya mendaftar sebagai anggota Gereja Pusat Manmin pada bulan Ogos 2003 dan menerima doa Rev. Dr. Jaerock Lee. Kesihatan saya dipulihkan dan berat saya 55kg.

Saya berusia 72 tahun sekarang tetapi saya bekerja di kafeteria dengan rahmat Tuhan. Saya diberitahu bahawa saya bekerja dengan bersungguh-sungguh dan

kuat, jadi saya kelihatan berusia 30-an atau 40-an.

Saya mengalami kuasa Tuhan sekali lagi pada bulan Januari 2022.

Saya menerima vaksinasi yang pertama pada 9 Julai 2021. Selepas itu, kaki kanan saya mulai sakit. Pada mulanya, saya berfikir bahawa tidak ada apa-apa dan menerima dos kedua. Kemudian, kaki saya semakin sakit.

Saya tidak dapat berjalan dengan baik dan membengkokkan kedua-dua kaki akibat sakit yang teruk. Apabila saya duduk di atas lantai, saya perlu duduk dengan kaki kanan saya diluruskan. Saya perlu duduk di atas kerusi semasa berdoa kerana saya tidak dapat berlutut. Saya bekerja dalam keadaan incang-incut di tempat kerja saya.

Memandangkan kaki saya sakit lebih kurang enam bulan lamanya, apabila tahun 2022 bermula saya bertekad untuk disembuhkan dalam perjumpaan kesembuhan pada bulan Januari. Saya mempersiapkan diri saya dengan doa.

Pada 21 Januari, saya menghadiri perjumpaan atas talian menerusi GCN dengan penuh harapan. Kaki kanan saya masih sakit apabila saya menyanyikan lagu “Bangunlah dan berjalanlah” tetapi saya bangun, berjalan dan melompat dengan iman dan menyanyikan lagu pujian dengan tepukan gemuruh.

Apabila Dr. Soojin Lee berdoa dengan sapu tangan kuasa, saya menerima doa beliau dengan penuh harapan. Saya bangun pagi keesokannya dan mendapati bahawa kesakitan pada kaki saya yang telah menyusahkan saya selama enam bulan telah hilang. Haleluyah!

Sekarang saya gembira kerana dapat berjalan, berlari dan berdoa dengan berlutut.

Saya menginjili jiran-jiran saya dan kami beribadat bersama-sama. Saya juga bertekun dalam menjalankan tugas saya di gereja.

Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih kerana menyembuhkan saya.

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)